

21/01/2005

Tambahan: Kebaikan negara diambil kira

By Nor Liza Ahmad; Azli Ayob

MENTERI Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata kadar tambatan ringgit tidak akan diubah dalam masa terdekat ini, tetapi ia bukanlah tetap dan boleh dikaji semula jika ia adalah untuk kebaikan negara.

"Seperti yang dinyatakan sebelum ini, jika ada keperluan untuk mengubah nilai ringgit, kita akan mengubahnya. (kadar) RM3.80 (bagi satu dolar Amerika Syarikat) ini bukanlah satu kadar yang tidak boleh diubah," katanya.

Beliau menegaskan, bagaimanapun dalam membuat keputusan berhubung dasar tambatan ringgit itu, kerajaan akan mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

"Banyak pandangan diambil kira dalam membuat keputusan ini. Kita akan melihat semua kemungkinan dan apakah penyelesaian yang terbaik demi kepentingan negara.

"(Tetapi) pada masa ini tiada sebarang perubahan," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian kemudahan pinjaman berjangka bersindiket bernilai AS\$700 juta (RM2.6 bilion) antara Titan Group dan lima bank diketuai Standard Chartered Bank Malaysia Bhd (StanChart) di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa Malaysia perlu mengkaji semula kadar tambatan ringgit yang dilaksanakan sejak kira-kira enam tahun lalu kerana negara mengalami kerugian akibat kejatuhan mata wang AS.

Pada majlis berasingan, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, pula berkata sebarang kajian semula kadar tambatan ringgit akan mengambil kira prestasinya berbanding sekumpulan mata wang lain dan bukan hanya satu mata wang.

"Kita tidak melihat cuma satu mata wang. Kita melihat banyak mata wang dan kestabilan kadar tukaran mata wang kita berbanding rakan dagangan utama kita.

"Itu adalah matlamat utama dasar kadar tukaran wang asing kita," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Biro Pengantara Kewangan di Kuala Lumpur.

Dr Zeti berkata, pihak berkuasa akan melihat perkembangan dan jika berlaku perubahan dalam struktur asas atau jika wujudnya potensi ketidakselarasan dalam mata wang tempatan, kedudukannya akan dikaji.

Sementara itu, kenyataan Dr Mahathir itu mendapat reaksi berbeza ahli ekonomi dan penganalisis kewangan.

Penganalisis kredit di Standard & Poor's Philippe Sachs berkata, walaupun penilaian semula kadar tambatan itu hanya memberikan implikasi kecil kepada penarafan, Malaysia perlu bertindak tegas bagi kepentingannya untuk menangani harapan dan spekulasi dengan cara yang terbaik selepas kenyataan Dr Mahathir itu.

Beliau berkata, walaupun tambatan itu memberikan manfaat kepada Malaysia, negara ini mempunyai lima pilihan, iaitu mengapungkan semula ringgit, memperkenalkan pengapungan terkawal, meningkatkan kadar tambatan, ditambah semula kepada sekumpulan mata wang atau mengekalkan regim sekarang.

Sachs berkata, tindakan dalam tempoh terdekat akan membolehkan Malaysia menentukan hala tuju dan jenis peralihan kepada satu regim baru.

Tetapi, katanya, hanya ada sedikit bukti mengenai gangguan modal akibat dasar kadar tukaran semasa. meruap

"Kemeruapan aset adalah amat kecil dan pengaliran masuk wang panas masih terkawal," katanya.

Penganalisis Kanan firma penyelidikan Singapura Forecast Pte Ltd, Sani Hamid, berkata kajian semula kadar tambatan ringgit hanya perlu dilakukan apabila ada perubahan struktur atau salah pelarasan.

Katanya, beliau percaya bahawa Bank Negara hanya akan bertindak jika wujudnya potensi berlakunya ketidakseimbangan dalam kadar tambatan itu.

(END) Source : Berita Harian